UUM/BA49/HM/07.09.2005/p: 2 (5c)

Polis soal siasat pemandu bas UUM

HM 7/9/05 2:5

ALOR STAR: Polis sudah mengambil keterangan pemandu bas Universiti Utara Malaysia (UUM) yang terbabit dalam kemalangan di Jalan Bukit Kachi, kelmarin.

Ketua Bahagian Ketenteraman Awam dan Trafik, Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Kubang Pasu, Asisten Superintendan Mohd Khairi Mohd Kamil, berkata polis mengambil keterangan pemandu bas berusia 29 tahun itu selepas dia membuat laporan di IPD Kubang Pasu, kira-kira jam 6.55 petang, dua jam selepas kemalangan itu.

Menurutnya, lelaki yang berasal dari Padang Sira, Changlun itu turut menjalani ujian air kencing, tetapi negatif.

"Dia dibebaskan selepas keterangannya diambil. Kita tidak dapat memastikan tindakan yang akan diambil terhadap pemandu bas itu kerana siasatan masih dijalankan," katanya ketika dihubungi, di sini, semalam.

Dalam kemalangan itu, sebuah bas UUM terjunam ke dalam sungai di Bukit Kachi, Sintok menyebabkan lima pelajar cedera parah manakala 47 lagi cedera ketika dalam perjalanan pulang dari kampus universiti itu.

Dalam kejadian kira-kira jam 4.20 petang itu, seorang pelajar yang berdiri berhampiran pemandu bas dikatakan terjatuh ke atas stereng ketika bas itu membelok satu selekoh di Jalan Bukit Kachi menyebabkan pemandunya hilang kawalan.

Mohd Khairi berkata, pemandu itu kini disiasat mengikut Seksyen 43(1) Akta Pengangkutan Jalan 1987 kerana memandu secara tidak cermat dan tidak bertimbang rasa.

Jika sabit kesalahan, lelaki itu boleh dihukum penjara maksimum 12 bulan atau didenda maksimum RM10,000 atau kedua-duanya sekali.

Sementara itu, Pengarah Hal Ehwal Pelajar UUM, Mohd Zaini Nasri ketika dihubungi berkata, pengurusan universiti sudah mengeluarkan arahan tidak membenarkan pelajar berdiri ketika menggunakan perkhidmatan basnya.